

Title : Tanggungjawab Sosial Korporat Media Massa dalam konteks Perhubungan Media di Malaysia

Name : Ms. Nurul Mashita Mohd Talib

Institute : Universiti Malaya

Abstract:

Penghantaran bahan perhubungan media oleh organisasi kepada media massa merupakan amalan yang popular dalam perhubungan media di Malaysia. Menerima bahan-bahan perhubungan media ini merupakan antara aktiviti penting dalam konteks tanggungjawab sosial korporat syarikat-syarikat media massa di negara ini. Pihak media menggunakan kebanyakan bahan-bahan ini sama ada sebagai berita atau bahan tugas untuk liputan harian mereka. Penggunaan bahan-bahan tersebut memberi manfaat kepada organisasi pengirim dalam bentuk publisiti media. Kajian ini memfokus kepada bahan perhubungan media yang diterima oleh media massa daripada pelbagai organisasi. Kaedah analisis kandungan digunakan terhadap bahan perhubungan media yang diterima oleh media massa. Sebanyak 420 bahan perhubungan media dikumpul dari dua organisasi media iaitu Berita Harian dan TV3. Hasil kajian menunjukkan wujud amalan tanggungjawab sosial korporat kedua-dua syarikat media yang diberikan kepada organisasi luar. Dapatkan menunjukkan bahan-bahan diterima daripada pelbagai kategori organisasi awam dan swasta serta tertumpu pada hari bekerja. Terdapat pelbagai isu bahan perhubungan media yang diterima oleh kedua-dua media tersebut. Kandungan bahan perhubungan media yang diterima menunjukkan terdapat informasi penting yang diperlukan oleh media massa.